

Nama: _____

Tingkatan: _____

SULIT
12/1
Bahasa Melayu
Kertas 1
Ogos
2002
1 ½ Jam

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
PENILAIAN MENENGAH RENDAH
PORTAL PENDIDIKAN UTUSAN 2002**

BAHASA MELAYU

Kertas 1
Satu jam tiga puluh minit

1. *Kertas soalan ini mengandungi 60 soalan.*
 2. *Jawab semua soalan.*
 3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf A, B, C dan D. Bagi tiap-tiap soalan, pilih satu jawapan sahaja.*
 4. *Fikir dengan teliti ketika memilih jawapan. Jika anda hendak menukar sesuatu jawapan, padamkan sehingga bersih tanda yang tidak dikehendaki itu dan kemudian bulatkan pilihan anda yang baru.*
-

Soalan 1 hingga Soalan 6

Baca petikan rencana di bawah ini dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Dunia kini berada dalam era digital di mana sumber pengetahuan merupakan *nadi dan tulang belakang* kepada kejayaan sesebuah bangsa. Medium utama ke arah memperkaya sumber pengetahuan tersebut ialah teknologi maklumat (IT).

Justeru, syor Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi supaya mata pelajaran IT menjadi teras di sekolah dan bukan hanya dijadikan mata pelajaran pilihan perlu dilihat secara serius. Status mata pelajaran IT di sekolah juga tidak harus lagi sekadar menjadi subjek tambahan yang diambil oleh pelajar yang menyertai kelab-kelab komputer di sekolah. Malah, kita yakin bahawa usaha untuk menjadikannya sebagai satu subjek teras yang wajib diambil dan wajib lulus telah pun dilakukan secara bersungguh-sungguh oleh Kementerian Pendidikan.

Usaha-usaha ini dilakukan terutamanya sejak kerajaan mengumumkan projek sekolah bestari sebagai salah satu daripada sembilan aplikasi perdana dalam projek Koridor Raya Multimedia (MSC). Kesungguhan itu dapat dilihat melalui pelbagai projek pengkomputeran sekolah di seluruh negara.

Projek rintis sekolah bestari melibatkan lebih 90 buah sekolah di seluruh negara adalah projek mega kementerian itu dalam usaha menerapkan unsur-unsur IT dan melahirkan generasi pelajar yang celik IT serta bersiap sedia mengharungi dunia ekonomi digital. Selain itu, apa yang dihasratkan oleh Timbalan Perdana Menteri itu sebenarnya adalah selari dengan hasrat kerajaan untuk menyediakan makmal komputer di semua sekolah rendah dan menengah di seluruh negara menjelang 2005.

Di peringkat kementerian juga, beberapa projek sedang dilaksanakan ke arah menjadikan IT sebagai paksi utama pembelajaran dan pengajaran di sekolah. KPM net, projek komputer dalam pendidikan (KPD) dan pusat sumber elektronik (PSE) adalah antaranya. Selain itu, boleh dikatakan semua Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) kini juga telah pun mempunyai projek penghasilan laman webnya sendiri untuk meningkatkan kecemerlangan pendidikan di negeri masing-masing.

Kita yakin bahawa Kementerian Pendidikan tidak mempunyai masalah dalam melaksanakan tugas ini kerana IT bukanlah satu perkara baru dalam sistem pendidikan di negara ini. Kita sudah pun mempunyai sekumpulan tenaga pakar yang benar-benar mahir dan berpengalaman mengenai selok-belok penggunaan IT dalam kurikulum pendidikan di sekolah. Yang diperlukan kini cuma penambahan peruntukan kerana suntikan IT dalam pendidikan di negara ini memerlukan sejumlah modal yang sangat besar. Bagaimanapun jika kita benar-benar mahu menyediakan suatu generasi yang bersedia ke arah era ekonomi digital, soal kos tidak harus menjadi halangan.

1. Teknologi maklumat dianggap begitu penting dalam menentukan kejayaan sesebuah negara kerana...
 - A. teknologi maklumat dapat membantu meningkatkan imej negara agar setanding dengan negara-negara maju.
 - B. bidang teknologi maklumat dapat membuka banyak peluang perniagaan.
 - C. teknologi maklumat mudah dipelajari dan dipraktikkan dalam urusan harian.
 - D. teknologi maklumat dapat berfungsi sebagai perantara utama dalam menghubungkan masyarakat kepada sumber ilmu pengetahuan

2. Pada pendapat anda, apakah tujuan di sebalik cadangan mata pelajaran IT dijadikan mata pelajaran teras di sekolah?
 - A. menggalakkan penglibatan pelajar dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh kelab komputer di sekolah
 - B. mendedahkan pelajar kepada teknologi maklumat dan memupuk minat mereka untuk mendalaminya di peringkat yang lebih tinggi
 - C. menjadikan sekolah sebagai suatu pusat pembelajaran teknologi maklumat yang canggih
 - D. menyedarkan pihak ibu bapa dan pihak sekolah tentang pentingnya bidang teknologi maklumat kepada pelajar-pelajar sekolah

3. Yang berikut merupakan usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan untuk melahirkan masyarakat yang celik IT **kecuali**...
 - A. penubuhan sekolah bestari.
 - B. mewujudkan Koridor Raya Multimedia (MSC).
 - C. menyediakan makmal komputer di semua sekolah.
 - D. menubuhkan Jabatan Pendidikan Negeri.

4. Rangkaian kata-kata *nadi dan tulang belakang* dalam petikan tadi bermaksud...
 - A. asas pemikiran.
 - B. alat pencapaian
 - C. pusat kekuatan.
 - D. faktor tambahan.

5. Mengapakah penulis begitu yakin bahawa Kementerian Pendidikan tidak mempunyai masalah untuk melaksanakan cadangan tersebut?
 - A. Kementerian Pendidikan mempunyai modal yang cukup.
 - B. Sambutan daripada pihak sekolah dan pelajar amat menggalakkan
 - C. Kementerian Pendidikan mempunyai kepakaran dan pengalaman untuk melaksanakannya.
 - D. Setiap sekolah di negara kita sudah pun mempunyai makmal komputer.

6. Berdasarkan petikan secara keseluruhannya, apakah harapan penulis terhadap Kementerian Pendidikan?
- A. dapat melahirkan masyarakat celik IT dalam masa terdekat
 - B. dapat merealisasikan cadangan menjadikan IT sebagai mata pelajaran teras di sekolah
 - C. dapat menyediakan sistem pengkomputeran yang canggih di sekolah
 - D. dapat mengumpulkan modal yang cukup untuk melaksanakan cadangan Timbalan Perdana Menteri

Soalan 7 hingga Soalan 12

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Dada Angamah berdebar-debar apabila dia terpandang Cikgu Bustam yang sedang memandang tepat ke arahnya. Dia jadi tidak menentu dan serba salah.

“Barangkali cikgu marah,” katanya kepada diri sendiri.

Dia tidak tahu apa yang harus dijawab kalau Cikgu Bustam memanggilnya nanti. Dia malu kepada rakan-rakan sekelasnya. Mengapa dia seorang sahaja yang tidak menghantar karangan? Bermacam-macam persoalan bermain di kepalanya.

“Cepatlah masa!” Dia berdoa agar Cikgu Bustam segera keluar kalau loceng rehat dibunyikan.

“Angamah! Boleh jumpa saya di bilik tamu nanti?” kata Cikgu Bustam sebelum melepaskan murid-murid yang lain keluar rehat.

Angamah menganggu lemah. Dia tidak jadi keluar ke kantin. Dia merasakan seolah-olah semua orang memandang ke arahnya dengan tanda tanya. Tentu dia seorang sahaja yang tidak menghantar buku karangan pada pagi itu.

“Angamah sakit?” Cikgu Bustam bertanya dengan suara yang lembut.

Dia menggelengkan kepala.

“Sudah makan?” Tanya Cikgu Bustam lagi.

Angamah menganggu. Dia tahu dia berbohong. Tetapi, dia tidak ada selera makan selepas Cikgu Bustam memberitahu bahawa dia ingin berjumpanya lagi.

Dipetik daripada cerpen “Sayang Ayah”,
Antologi Anak Bumi Tercinta

7. Angamah beranggapan bahawa Cikgu Bustam marah terhadapnya kerana...
- A. dia tidak pergi berjumpa dengan Cikgu Bustam di bilik tamu.
 - B. dia tidak dapat menjawab soalan yang ditanyakan oleh Cikgu Bustam.
 - C. dia tidak menyiapkan kerja rumah yang disuruh oleh Cikgu Bustam.
 - D. dia tidak menumpukan perhatian terhadap pelajaran di dalam kelas.

8. Mengapakah Angamah berdoa agar masa cepat berlalu?
- A. Dia ingin segera ke kantin untuk membeli makanan.
 - B. Dia berasa bosan dengan pembelajaran yang disampaikan oleh Cikgu Bustam.
 - C. Dia ingin berjumpa dengan rakan-rakannya untuk memberitahu masalahnya.
 - D. Dia mahu Cikgu Bustam segera meninggalkan kelasnya.
9. "Angamah sakit?" Cikgu Bustam bertanya dengan suara yang lembut. Latar tempat bagi perbualan tersebut ialah...
- A. bilik tamu.
 - B. kantin.
 - C. bilik darjah
 - D. rumah
10. Yang berkiut merupakan gambaran tentang perwatakan Cikgu Bustam **kecuali**...
- A. prihatin
 - B. bertanggungjawab
 - C. penyayang
 - D. pendiam
11. Pernyataan manakah yang merupakan klimaks penceritaan dalam cerpen *Sayang Ayah*?
- A. Guru Besar ingin melaporkan tindakan ayah tiri Angamah kepada polis.
 - B. Cikgu Bustam memanggil Angamah supaya berjumpa dengannya di bilik tamu.
 - C. Angamah menangi kematian ayahnya di hospital.
 - D. Angamah masih menyayangi ayahnya walaupun ayahnya itu selalu menderanya.
12. Pilih susunan peristiwa berikut dengan tepat berdasarkan susunan peristiwa dalam cerpen *Sayang Ayah*.
- A. Angamah menulis karangan → Angamah dipukul oleh ayahnya → Ayah Angamah kemalangan
 - B. Angamah diberi latihan menulis karangan → Cikgu Bustam memanggil Angamah → Angamah dibawa ke hospital
 - C. Angamah dipanggil oleh Cikgu Bustam → Angamah tidak dapat menyiapkan karangan → Angamah dipukul oleh ayahnya
 - D. Angamah dipukul oleh ayahnya → Polis datang ke sekolah Angamah → Angamah dibawa berjumpa dengan Guru Besar

Soalan 13 hingga Soalan 18

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Tersebutlah Ratu Kuripan, telah mendengar khabar bahawa ratu di negeri Daha telah kematian permaisurinya. Pada masa itu Ratu Kuripan pun duduk mengatur kata dengan isterinya.

Katanya, “Ya adinda, kakanda mendengar khabarnya, bahawa Ratu Daha itu sudah mengalih pada isteri mudanya, Si Liku. Apa barang hajatnya diikutinya hingga Permaisurinya mati, sebab telah makan racun. Sungguh telah terjadi yang demikian itu dan sekali-kali tiada difikirnya apa sebabnya.”

Pada masa itu Ratu Kuripan itu membuang ludah, selaku orang yang mengejikan akan Ratu Daha itu, seraya katanya, “Jikalau di dalam negeri kakanda ada seorang perempuan yang sebagai laku perempuan liku itu, nescaya kakanda bunuh akan dia. Kerana kasihan sungguh pada Galuh Cendera Kirana tinggal seorang diri dengan tiada beribu. Ayahanda sudah takluk di bawah perintah Liku.”

Pada masa itu baginda Sang Ratu Kuripan itu telah mendapat khabar wartanya segala kelakuan Liku itu.

Tatkala baginda teringat akan budi pekerti yang demikian itu, timbullah amarahnya dan merah padamlah warna mukanya. Sebab, sangat kasihan pada Galuh Cendera Kirana yang telah menjadi piatu itu tak dapat tiada akan tersiasia selama-lamanya. Seketika ia berfikir itu, datanglah fikiran di dalam hati Ratu Kuripan itu: “Jikalau demikian susah hati Galuh Cendera Kirana itu dan tiada ada seorang yang menjadi penghibur hatinya, baiklah aku kirimkan suatu penghiburan hati kepadanya. Aku suruh buat suatu permainan, iaitu suatu anak-anakan kencana, akan penghibur-hibur hatinya.”

Lalu disuruhnya buat anak-anakan emas yang bertabur dengan permata untuk permainan Galuh Cendera Kirana itu, supaya barang siap melihat anak-anakan itu boleh tersenyum dan tertawa. Pada ketika itu datanglah Raden Inu Kertapati menghadap Sang Ratu serta sujud menyembah baginda.

Dipetik daripada prosa tradisional “Patung Kencana dari Kuripan”,
Antologi Anak Bumi Tercinta

13. Mengapakah Ratu Kuripan berasa simpati terhadap Galuh Cendera Kirana?
- A. Galuh Cendera Kirana telah menjadi yatim piatu apabila kedua-dua ibu bapanya mati akibat diracun
 - B. Galuh Cendera Kirana sering didera oleh Ratu Daha dan isteri mudanya, Liku
 - C. Galuh Cendera Kirana telah kehilangan ibu dan diabaikan pula oleh ayahandanya
 - D. Galuh Cendera Kirana tiada mempunyai teman sepermainan dan hidup dalam kesepian

14. Antara yang berikut, yang manakah telah menimbulkan kemarahan Ratu Kuripan?
- A. sikap angkuh dan bongkak Ratu Daha
 - B. tabiat buruk isteri Ratu Kuripan
 - C. kelakuan buruk Liku
 - D. kedegilan Raden Inu Kertapati
15. Berdasarkan petikan, nilai utama yang ditunjukkan oleh Ratu Kuripan ialah...
- A. bijaksana.
 - B. tegas.
 - C. bekerjasama.
 - D. belas kasihan.
16. Frasa "*Jikalau demikian susah hati Galuh Cendera Kirana itu dan tiada ada seorang yang menjadi penghibur hatinya, baiklah aku kirimkan suatu penghiburan hati kepadanya.*" dalam petikan tadi menunjukkan penggunaan teknik...
- A. dialog.
 - B. monolog.
 - C. sinkof.
 - D. metafora.
17. Latar masa cerita *Patung Kencana dari Kuripan* berlaku pada...
- A. zaman Kerajaan Melayu Melaka.
 - B. zaman Kerajaan Srivijaya.
 - C. zaman Kerajaan Jawa lama.
 - D. zaman dewa-dewa.
18. Antara yang berikut, yang manakah bukan persoalan yang terkandung dalam cerita ini?
- A. sikap bertimbang rasa dan belas kasihan
 - B. ayah yang tidak bertanggungjawab
 - C. manusia yang terlalu mementingkan diri
 - D. rakyat yang menderhaka kepada raja

Soalan 19 hingga Soalan 24

Baca puisi di bawah dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Seuntai Kata Untuk Dirasa

1 Panas usah membakar dada
suara usah menggegarkan sahaja
kalau benar membawa cita
di dalam senyap kumpulkan tenaga

5 *Ayam bertelur sekampung tahu*
mengapa mesti kita begitu?
falsafah ubi diam berisi
mengapa tidak kita turuti?

10 Sekarang singkirkan semua bicara
sekarang kumpulkan *tenaga raksasa*
tiba saat berbunga merah
serentak mara kita bersama.

Dipetik daripada
Antologi Seuntai Kata untuk Dirasa

19. Dalam rangkap pertama sajak ini, penyajak menyeru agar kita...
- A. berhati-hati dalam pergaulan agar tidak menjejaskan cita-cita.
 - B. membuang sikap suka mengata orang lain.
 - C. kurang bercakap tetapi lebih berusaha untuk mencapai cita-cita.
 - D. menggunakan akal fikiran setiap masa jika ingin memburu cita-cita.
20. "*Ayam bertelur sekampung tahu*" dapat dikaitkan dengan sikap...
- A. suka mencari gaduh dengan orang kampung.
 - B. mementingkan diri sendiri tanpa mempedulikan hal orang lain.
 - C. suka menyibuk dan menjaga tepi kain orang lain.
 - D. suka mengheboh-hebohkan sesuatu perkara.
21. Frasa *tenaga raksasa* dalam sajak merupakan contoh penggunaan...
- A. anafora.
 - B. metafora.
 - C. hiperbola.
 - D. asonansi.

22. Rima akhir rangkap pertama berbentuk...
- A. gurindam.
 - B. syair.
 - C. peribahasa.
 - D. pantun.
23. Yang berikut merupakan nilai yang dapat dikutip daripada sajak ini **kecuali**...
- A. rajin berusaha.
 - B. kegigihan.
 - C. bekerjasama.
 - D. berterus terang.
24. Apakah mesej yang ingin disampaikan oleh penyajak?
- A. Setiap orang mestilah mempunyai cita-cita.
 - B. Untuk mencapai cita-cita, kita perlulah berilmu pengetahuan.
 - C. Janganlah menyimpan cita-cita yang terlalu tinggi.
 - D. Orang yang tidak mempunyai cita-cita akan rugi hidupnya.

Soalan 25 hingga Soalan 32

*Lengkapkan ayat-ayat di bawah dengan **memilih** perkataan yang paling sesuai.*

25. Senarai nama peserta yang ingin mengikuti lawatan itu ada _____ bersama-sama dengan surat permohonan itu.
- A. disiarkan
 - B. dimasukkan
 - C. dilampirkan
 - D. diselitkan
26. Kementerian Pendidikan akan mengeluarkan surat _____ kepada guru-guru tidak lama lagi untuk menguatkuasakan arahan tersebut.
- A. aduan
 - B. rayuan
 - C. akuan
 - D. pekeliling
27. Mak Timah _____ kain batiknya untuk membuang debu tanah.
- A. mengibar-ngibarkan
 - B. mengipas-ngipaskan
 - C. mengibas-ngibaskan
 - D. melibas-libaskan

34. Kami sekeluarga terbangun bila mendengar suara jiran meminta tolong
 A B
 serta siren bomba. Tiada kesalahan
 C D
35. Oleh sebab tidak memahamkan arahan yang diberi oleh ketuanya, Munir
 A B
 telah tersilap dalam menulis laporan itu. Tiada kesalahan
 C D
36. Pihak sekolah terpaksa menghadkan jumlah kemasukan pelajar baru
 A B
 kerana menghadapi masalah kekurangan bilik darjah. Tiada kesalahan
 C D
37. Sebelum program itu bermula, para peserta diberi taklimat tentang
 A B
 pentingnya sikap saling bekerjasama. Tiada kesalahan
 C D
38. Sedangkan hujan lebat, majlis kenduri itu tetap diteruskan kerana para
 A B
 tetamu banyak yang sudah datang. Tiada kesalahan
 C D
39. Para pelajar telah diarah oleh Tuan Pengetua supaya mempastikan
 A B
bahawa kelas mereka sentiasa bersih. Tiada kesalahan
 C D
40. Pak Mahat menceritakan tentang pengalamannya sewaktu menjadi askar
 A B
kepada cucu-cucunya. Tiada kesalahan
 C D

Soalan 41 hingga Soalan 46

Sebahagian daripada ayat-ayat di bawah ini telah digarisi. Bahagian yang bergaris itu mungkin mempunyai kesalahan dalam penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Jika anda menganggap bahawa bahasa pada bahagian yang bergaris itu salah dan perlu diubah, anda hendaklah menandakan A, B, atau C sebagai jawapan pilihan anda. Jika tiada kesalahan tandakan D.

41. Bola disepak oleh Harun yang mengenai pada dahan pokok rambutan itu.
A. bola yang disepak oleh Harun mengenai dahan pokok rambutan itu
B. bola disepak oleh Harun yang mengenakan pada dahan pokok rambutan itu
C. bola yang disepak oleh Harun mengenai kepada dahan pokok rambutan itu
D. bola disepak oleh Harun yang mengenai pada dahan pokok rambutan itu
42. Salimah amat berharap kasih sayang dan perhatian daripada ibu bapanya.
A. sangat mengharapkan kasih sayang dan perhatian dari
B. begitu berharap agar kasih sayang dan perhatian daripada
C. amat mengharapkan kasih sayang dan perhatian daripada
D. amat berharap kasih sayang dan perhatian daripada
43. Adik yang dinasihati oleh ibu supaya tidak terlalu boros berbelanja.
A. dinasihatkan oleh ibu kerana tidak terlalu boros
B. dinasihati oleh ibu supaya tidak terlalu boros
C. yang dinasihat oleh ibu tidak terlalu boros
D. yang dinasihati oleh ibu supaya tidak terlalu boros
44. Semua bukti-bukti terhadap kes itu telah dikemukakan oleh peguam bela.
A. Semua bukti-bukti kepada kes itu
B. Semua bukti terhadap kes itu
C. Semua bukti-bukti tentang kes itu
D. Semua bukti-bukti terhadap kes itu
45. Kontrak untuk memperbesarkan jalan itu telah diberi kepada Syarikat Jayapuri Sendirian Berhad.
A. Kontrak mengenai kebesaran jalan itu
B. Kontrak untuk pembesar jalan itu
C. Kontrak untuk membesarkan jalan itu
D. Kontrak untuk memperbesarkan jalan itu
46. Zaidi baru pertama kali berpuasa pada hari ini tampak tidak bermaya sekali.
A. yang baru pertama kali berpuasa pada hari ini
B. baru pertama kali berpuasa pada hari ini tetapi
C. baru-baru pertama kali berpuasa pada hari ini
D. baru pertama kali berpuasa pada hari ini

Soalan 47 hingga Soalan 50

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

47. **Rakan sebaya merupakan orang yang paling hampir dengan kita yang dapat mempengaruhi tingkah laku kita sehari-hari.**
- A. Tingkah laku kita sehari-hari akan mempengaruhi orang yang paling hampir dengan kita, iaitu rakan sebaya.
 - B. Hubungan yang erat antara rakan sebaya akan mempengaruhi tingkah laku orang yang paling hampir dengan mereka.
 - C. Orang yang paling rapat dengan kita dan yang dapat mempengaruhi kelakuan kita sehari-hari ialah rakan sebaya.
 - D. Sikap kita sehari-hari banyak dipengaruhi oleh rakan sebaya yang paling hampir dengan kita.
48. **Para pekerja kilang itu amat gembira pada bulan ini kerana mereka telah berjaya mencapai matlamat seperti yang disasarkan oleh majikan mereka.**
- A. Pada bulan ini para pekerja kilang itu berasa sungguh gembira atas kejayaan mereka mencapai sasaran sepertimana yang diharapkan oleh majikan mereka.
 - B. Kegembiraan para pekerja kilang itu pada bulan ini berpunca daripada kejayaan majikan mereka mencapai matlamat yang disasarkan.
 - C. Para pekerja kilang itu berasa amat senang hati kerana majikan mereka telah menetapkan matlamat yang perlu dicapai pada bulan ini.
 - D. Kejayaan mencapai matlamat seperti yang diharapkan pada bulan ini amat menggembirakan majikan para pekerja kilang itu.
49. **Cadangan wakil syarikat swasta itu untuk membina sebuah pasar rakyat di atas tapak padang bola yang telah sedia ada telah mendapat tentangan hebat daripada penduduk di kawasan itu.**
- A. Pembinaan sebuah pasar rakyat di atas tapak padang bola yang telah sedia ada tidak dapat dijalankan oleh wakil syarikat swasta itu apabila cadangannya ditolak oleh penduduk di kawasan itu.
 - B. Wakil syarikat swasta itu mencadangkan supaya sebuah pasar rakyat dibina di atas tapak padang bola yang telah sedia ada itu bagi mengelakkan bantahan daripada penduduk di kawasan itu.
 - C. Tentangan hebat daripada penduduk di kawasan itu telah menyebabkan wakil syarikat swasta itu mencadangkan supaya sebuah pasar rakyat dibina di atas tapak padang bola yang telah sedia ada.
 - D. Penduduk kawasan itu membantah keras cadangan daripada wakil syarikat swasta itu untuk membina sebuah pasar rakyat di atas tapak padang bola yang telah sedia ada.

50. **Masalah keruntuhan akhlak di kalangan pelajar di Malaysia dapat ditangani secara menyeluruh menerusi pendekatan psikologi.**
- A. Melalui pendekatan psikologi yang menyeluruh, masalah keruntuhan akhlak di kalangan pelajar di Malaysia akan dapat diatasi.
 - B. Secara keseluruhannya, masalah keruntuhan akhlak di kalangan pelajar di Malaysia akan dapat dibendung menerusi pendekatan psikologi.
 - C. Dengan menggunakan pendekatan psikologi, masalah keruntuhan akhlak di kalangan pelajar di Malaysia dapat diatasi secara menyeluruh.
 - D. Masalah keruntuhan akhlak di kalangan pelajar di seluruh Malaysia perlu ditangani menerusi pendekatan psikologi.

Soalan 51 hingga Soalan 52

Pilih peribahasa yang paling sesuai bagi soalan di bawah ini.

51. Kerja mencari sarang burung di dinding-dinding gua merupakan suatu pekerjaan yang sukar dan tidak mungkin dilakukan oleh sesetengah orang. Namun, pekerjaan ini sedikit pun tidak mendatangkan masalah kepada Kudin yang telah sepuluh tahun menjadikan pekerjaan ini sebagai mata pencariannya.

Bagi Kudin...

- A. berat mata memandang, berat lagi bahu memikul.
- B. diam-diam ubi berisi, diam-diam besi berkarat.
- C. alah bisa, tegal biasa.
- D. orang mengantuk disorongkan bantal.

52. Hampir sepuluh tahun Munirah dan kakaknya bermasam muka. Namun, pada hari raya yang lalu, kedua-duanya telah berbaik semula dan saling bermaafan.

Keadaan ini bolehlah diibaratkan...

- A. berani kerana benar, takut kerana salah.
- B. carik-carik bulu ayam, lama-lama bercantum juga.
- C. bertepuk sebelah tangan tak akan berbunyi.
- D. sudah terantuk baru tengadah.

Soalan 53 hingga Soalan 56

Pilih ayat-ayat yang menggunakan kata yang berhuruf condong dengan betul dan tentukan bahawa anda telah memilih jawapan cadangan yang paling sesuai.

53. I Sulaiman dihantar oleh keluarganya *mengaji* di sekolah pondok Haji Daud.
II Puan Minah *mengaji* dua orang pekerja untuk membantunya di kedai.
III Selepas solat Maghrib, Amir pun *mengaji* Quran.
IV Sebuah jawatankuasa khas akan ditubuhkan untuk *mengaji* masalah itu.
A. I dan II sahaja
B. I dan III sahaja
C. II, III, dan IV sahaja
D. I, II, III, dan IV
54. I Pada musim sejuk, air sungai itu akan menjadi *beku*.
II Segala urusan yang membabitkan syarikat itu telah *dibekukan* buat sementara waktu.
III Aku *beku* dan tidak dapat berkata apa-apa apabila bertentang mata dengannya.
IV Asiah akan menjalani pembedahan untuk membuang darah *beku* di kepalanya.
A. I dan III sahaja
B. II dan III sahaja
C. I, II, dan IV sahaja
D. I, II, III, dan IV
55. I Kamarul berjalan terhincut-hincut kerana buku *lalinya* bengkok.
II Ubat itu perlu diberi untuk *me/lal/kan* pesakit itu.
III Kami sudah *lali* dengan perangnya yang suka meninggi diri.
IV “Jangan *lali*,” kata pemuda Cina itu sambil mengejar Umi Nadrah.
A. I dan II sahaja
B. I, II, dan III sahaja
C. I, III, dan IV sahaja
D. II, III, dan IV sahaja
56. I Dalam kemalangan itu, Encik Ismail hanya cedera ringan manakala anaknya *patah* kaki.
II Cikgu menyuruh kami membina ayat daripada beberapa *patah* perkataan yang diberikan.
III Anak Puan Seri masih kecil tetapi amat *patah* bercakap.
IV Sejak peristiwa itu, Abidin berasa amat kecewa dan *patah* hati.
A. II dan III sahaja
B. III dan IV sahaja
C. I, II, dan III sahaja
D. I, II, dan IV sahaja

Soalan 57 hingga Soalan 60

Pilih ayat atau ayat-ayat yang betul dan tentukan bahawa anda telah memilih cadangan jawapan yang paling sesuai.

57. I Buku itu menerangkan tentang kaedah-kaedah penjagaan kulit khususnya kepada wanita.
II Suatu uji bakat telah diadakan oleh stesen televisyen itu untuk mencungkil bakat-bakat baru dalam bidang pengacaraan.
III Anak yatim-anak yatim itu diraikan dalam suatu majlis makan malam oleh pihak Hotel Puteri.
IV Keputusan peraduan itu akan disiarkan dalam akhbar Utusan Malaysia tidak lama lagi.
- A. I dan III sahaja
B. II dan IV sahaja
C. III dan IV sahaja
D. II, III, dan IV sahaja
58. I Semakin lanjut usianya, pemandangan Haji Karim semakin kabur.
II Orang yang jujur biasanya akan mendapat balasan yang baik.
III Peristiwa itu sudah lama berlalu tetapi masih segar dalam ingatannya.
IV Pelbagai langkah perlu diambil bagi mengatasi masalah kesesakan di bandar raya Kuala Lumpur.
- A. I dan III sahaja
B. I, II, dan III sahaja
C. I, II, dan IV sahaja
D. II, III, dan IV sahaja
59. I Lebih dari separuh wang gajinya dibelanjakan untuk membeli aksesori kereta.
II Alat yang digunakan untuk mengesan pergerakan musuh dari jauh.
III Dia berpura-pura jatuh sakit kerana ingin mendapatkan simpati daripada rakan-rakannya.
IV Anak-anak mestilah dididik supaya sentiasa menghormati kedua-dua ibu bapa mereka.
- A. I dan IV sahaja
B. II dan III sahaja
C. III dan IV sahaja
D. I, II, III, dan IV

60. I Mangsa banjir itu akan menerima bantuan dalam bentuk makanan dan pakaian.
- II Perlawanan bola jaring itu terpaksa ditunda sebagai akibat hujan lebat.
- III Gadis itu membeli sejambak bunga untuk dihadiahkan kepada temannya.
- IV Ayah mencadangkan untuk membawa kami sekeluarga bercuti di Eropah.
- A.** I dan III sahaja
- B.** I, II, dan III sahaja
- C.** I, III, dan IV sahaja
- D.** I, II, III, dan IV